

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(III)1**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

1. Nyatakan dengan terperinci, adakah akaun PDC atau subsidiari PDC pernah dibekukan atau sedang dibekukan oleh PDRM atas siasatan kes berkenaan *scam* MBI?
  - (a) Apakah tindakan kerajaan untuk memastikan perkara sebegini tidak lagi berlaku?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

1. Terdapat satu (1) akaun bank milik Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah dibekukan atas siasatan kes *scam* MBI oleh Bahagian Anti Pengubahan Wang Haram (AMLA), Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada 23 Julai 2025. Namun akaun ini telah diaktifkan semula pada 30 Julai 2025.
  - (a) Bagi mengelakkan kejadian seumpama ini berulang pada masa hadapan, penilaian menyeluruh dan terperinci perlu dilaksanakan bagi memastikan Kerajaan Negeri dan PDC hanya mengurus niaga dengan pelabur yang mempunyai rekod prestasi baik, kepakaran yang relevan dalam bidang pelaburan serta keupayaan modal atau pembiayaan kewangan yang kukuh dan terjamin.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(III)2**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

2. Kebajikan negeri.

- (a) Nyatakan jumlah sumbangan Skim i-Sejahtera yang dibelanja oleh kerajaan pada tahun 2020 hingga 2025.
- (b) Nyatakan jumlah sumbangan Kerajaan Negeri kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tahun 2020 hingga 2025?

**YB LIM SIEW KHIM**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

- 2.
- (a) Perincian jumlah sumbangan Program i-Sejahtera yang dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2020 hingga tahun 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
  - (b) Jumlah sumbangan Kerajaan Negeri kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tahun 2020 hingga Oktober 2025 adalah seperti berikut:

**Peruntukan Negeri di bawah OS42000  
Pemberian dalam negeri**

<b>Tahun</b>	<b>Peruntukan (RM)</b>
<b>2020</b>	8,000,000.00
<b>2021</b>	8,000,000.00
<b>2022</b>	8,200,000.00
<b>2023</b>	8,200,000.00
<b>2024</b>	8,001,000.00
<b>2025</b>	8,500,000.00
<b>JUMLAH</b>	<b>48,901,000.00</b>

Jumlah peruntukan Kerajaan Negeri yang disalurkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2020 hingga 2025 adalah merangkumi pelaksanaan beberapa program kebajikan seperti berikut:

- (i) Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES);
- (ii) Bantuan Pendidikan Pelajar Miskin;
- (iii) Tabung Bantuan Segera Negeri (TBSN);
- (iv) Bantuan Latihan Sambil Belajar (BLSB);
- (v) Bantuan Bencana Alam Negeri Pulau Pinang;
- (vi) Bantuan Geran Pentadbiran kepada Pertubuhan Sukarelawan; dan
- (vii) Bantuan Alat Tiruan/Alat Sokongan (BAT/S)

Sumbangan Kerajaan Negeri kepada JKM Pulau Pinang bagi tahun 2020 hingga 2025 dilaksanakan mengikut keperluan program kebajikan yang sedang berjalan. Jumlah sumbangan ini tidak kekal dan berubah dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan rakyat Pulau Pinang. Pendekatan ini memastikan bantuan disalurkan secara lebih berkesan dan responsif terhadap keperluan semasa masyarakat.

# LAMPIRAN A

## LAPORAN PENERIMA DAN BAYARAN TAHUNAN I-SEJAHTERA (2020-OKTOBER 2025)

PROGRAM	2020			2021		
	PENERIMA	KADAR	JUMLAH	PENERIMA	KADAR	JUMLAH
PENGHARGAAN WARGA EMAS	157,232	RM150.00	RM23,584,800.00	173,284	RM150.00	RM25,992,600.00
BANTUAN IBU TUNGGAL	10,328	RM100.00	RM1,032,800.00	10,679	RM100.00	RM1,067,900.00
BANTUAN OKU	11,637	RM150.00	RM1,745,550.00	11,644	RM150.00	RM1,746,600.00
SURIEMAS	44,266	RM100.00	RM4,426,600.00	45,372	RM100.00	RM4,537,200.00
ANAK EMAS	6,033	RM200.00	RM1,206,600.00	2,820	RM200.00	RM564,000.00
KHAIRAT WARGA EMAS	5,221	RM1,000.00	RM5,221,000.00	4,906	RM1,000.00	RM4,906,000.00
KHAIRAT BANTUAN IBU TUNGGAL	21	RM1,000.00	RM21,000.00	14	RM1,000.00	RM14,000.00
KHAIRAT BANTUAN OKU	0	RM1,000.00	RM0.00	37	RM1,000.00	RM37,000.00
Jumlah (RM)	<b>239,738</b>		<b>RM37,238,350.00</b>	<b>248,756</b>		<b>RM38,865,300.00</b>

# LAMPIRAN A

PROGRAM	2022			2023		
	PENERIMA	KADAR	JUMLAH	PENERIMA	KADAR	JUMLAH
PENGHARGAAN WARGA EMAS	198,434	RM200.00	RM39,686,800.00	202,193	RM200.00	RM40,438,600.00
BANTUAN IBU TUNGGAL	11,094	RM100.00	RM1,109,400.00	10,968	RM100.00	RM1,096,800.00
BANTUAN OKU	12,686	RM200.00	RM2,537,200.00	13,344	RM200.00	RM2,668,800.00
SURI EMAS	47,462	RM100.00	RM4,746,200.00	45,844	RM100.00	RM4,584,400.00
ANAK EMAS	3,767	RM200.00	RM753,400.00	5,971	RM200.00	RM1,194,200.00
KHAIRAT WARGA EMAS	6,180	RM1,000.00	RM6,180,000.00	5,886	RM1,000.00	RM5,886,000.00
KHAIRAT BANTUAN IBU TUNGGAL	15	RM1,000.00	RM15,000.00	24	RM1,000.00	RM24,000.00
KHAIRAT BANTUAN OKU	134	RM1,000.00	RM134,000.00	138	RM1,000.00	RM138,000.00
<b>Jumlah (RM)</b>	<b>279,772</b>		<b>RM55,162,000.00</b>	<b>248,368</b>		<b>RM56,030,800.00</b>

**LAMPIRAN A**

PROGRAM	2024			2025 (SEHINGGA OKTOBER)		
	PENERIMA	KADAR	JUMLAH	PENERIMA	KADAR	JUMLAH
PENGHARGAAN WARGA EMAS	205,242	RM200.00	RM41,048,400.00	209,816	RM200.00	RM41,963,200.00
BANTUAN IBU TUNGGAL	10,747	RM100.00	RM1,074,700.00	10,639	RM100.00	RM1,063,900.00
BANTUAN OKU	14,490	RM200.00	RM2,898,000.00	14,987	RM200.00	RM2,997,400.00
SURI EMAS	45,095	RM100.00	RM4,509,500.00	44,217	RM100.00	RM4,421,700.00
ANAK EMAS	5,059	RM200.00	RM1,011,800.00	3,852	RM200.00	RM770,400.00
KHAIRAT WARGA EMAS	5,517	RM1,000.00	RM5,517,000.00	4,306	RM1,000.00	RM4,306,000.00
KHAIRAT BANTUAN IBU TUNGGAL	14	RM1,000.00	RM14,000.00	9	RM1,000.00	RM9,000.00
KHAIRAT BANTUAN OKU	171	RM1,000.00	RM171,000.00	97	RM1,000.00	RM97,000.00
<b>Jumlah (RM)</b>	<b>286,335</b>		<b>RM56,244,400.00</b>	<b>287,923</b>		<b>RM55,628,600.00</b>

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(III)3**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

3. Aplikasi *Penang Smart Parking* sering mengalami gangguan sistem, apakah masalah utama yang dihadapi dalam sistem aplikasi ini?
- (a) Nyatakan dari tahun 2023 hingga 2025, berapa kali mengalami masalah gangguan dan apakah kos lepas yang ditanggung oleh MBPP?
  - (b) Nyatakan syarikat yang menjalani operasi aplikasi ini?

**YB H'NG MOOI LYE**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Antara isu utama yang dikenal pasti berhubung gangguan dalam sistem Aplikasi *Penang Smart Parking* (PSP) adalah seperti berikut:
- (i) Gangguan fungsi aplikasi secara keseluruhan yang menyebabkan pengguna tidak dapat mengakses atau membuat bayaran caj letak kereta dalam tempoh tertentu;
  - (ii) Ralat teknikal pada sistem pembayaran, termasuk insiden di mana kompaun dikeluarkan walaupun bayaran tempat letak kereta masih aktif; dan
  - (iii) Kegagalan sambungan pelayan (*server*) dan isu penyelenggaraan sistem yang menyebabkan kelewatan

proses transaksi dan kesulitan pengguna untuk mendaftar atau log masuk ke aplikasi tersebut.

- (a) Secara keseluruhan, PSP telah mengalami gangguan sistem sebanyak lapan (8) kali dari tahun 2023 sehingga 2025.

MBPP tidak menanggung sebarang kos tambahan akibat daripada gangguan sistem PSP memandangkan segala kerja pembaikan dan pemulihan ditanggung sepenuhnya oleh pihak syarikat yang mengendalikan aplikasi tersebut.

- (b) Syarikat yang bertanggungjawab mengendalikan operasi Aplikasi PSP ialah HeiTech Padu Berhad (HTP).

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(III)4**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

4. Apakah status pelaksanaan projek *Water Taxi* di Pulau Pinang?
- (a) Adakah projek ini merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri dalam mengurangkan kesesakan di bahagian Pulau?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah mengiklankan *Request For Proposal* (RFP) Perkhidmatan *Water Taxi* pada bulan Disember 2022. Walau bagaimanapun, RFP ini telah dibatalkan pada awal tahun 2025 susulan daripada kegagalan pembida untuk memperolehi kelulusan-kelulusan yang wajib daripada pihak-pihak berkuasa.

Pada masa kini, Kerajaan Negeri sedang mengkaji lokasi-lokasi jeti yang sesuai untuk penyediaan perkhidmatan *Water Taxi* yang menghubungkan kawasan Pulau dan Seberang Perai.

- (a) Kerajaan Negeri dan MBPP sedar bahawa keutamaan dan galakan perlu diberikan kepada penggunaan pengangkutan awam untuk menangani kesesakan dalam jangka masa pendek, sederhana dan panjang. Tujuan utama cadangan Perkhidmatan *Water Taxi* disediakan adalah sebagai salah satu mod pengangkutan awam yang boleh digunakan oleh orang awam untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di bahagian Pulau, Pulau Pinang. Kebanyakan jalan-jalan utama di bahagian pulau dari bahagian utara sehingga ke

bahagian selatan pulau mengalami kesesakan lalu lintas yang teruk iaitu Jalan Tanjong Tokong, Weld Quay, Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu dan Bayan Lepas.

Sehubungan itu, sebanyak lima (5) laluan *feeder* telah dicadangkan di dalam Laporan *The Water Transport Pre-Feasibility Study* oleh perunding Halcrow iaitu laluan dari Queensbay - The Light, The Light - Weld Quay, Weld Quay - Gurney Quay, Gurney Quay - Tanjong Tokong Island dan Tanjong Island - Strait Quay.

Secara kesimpulannya, penyediaan perkhidmatan *Water Taxi* merupakan salah satu alternatif kaedah pengangkutan (mode of transport) untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(III)5**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

5. Berdasarkan kepada laporan media, pendapatan sektor pelancongan perubatan di Pulau Pinang pada tahun 2024 ialah RM866 juta atau dengan kehadiran 453,600 pesakit luar negara di hospital swasta.
- (a) Adakah Kerajaan Negeri menikmati hasil pendapatan ini?
  - (b) Jika tidak, apakah langkah intervensi yang akan diambil?

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. (a) Kerajaan Negeri tidak menerima hasil pendapatan secara langsung daripada pesakit luar negara yang mendapatkan rawatan di hospital swasta di Pulau Pinang. Tiada cukai atau levi khusus dikenakan terhadap pelancong perubatan oleh pihak Kerajaan Negeri.
- (b) Sektor pelancongan perubatan telah memberikan kesan pengganda (multiplier effect) yang signifikan terhadap ekonomi negeri. Kehadiran pesakit antarabangsa bukan sahaja mewujudkan peluang pekerjaan kepada tenaga kerja hospital dan perkhidmatan sokongan, tetapi juga meningkatkan kadar penginapan hotel, serta merangsang perbelanjaan dalam sektor makanan dan minuman, peruncitan serta pusat membeli-belah. Sektor penerbangan turut menerima manfaat melalui peningkatan jumlah perjalanan antarabangsa ke Pulau Pinang, sekali gus

memperkukuh kedudukan negeri sebagai hab pelancongan kesihatan serantau.

- (c) Sebagai langkah intervensi, Kerajaan Negeri melalui *Penang Centre of Medical Tourism (PMED)* di bawah *Penang Global Tourism* terus memperkukuh ekosistem pelancongan perubatan melalui promosi berterusan, kerjasama strategik dengan syarikat penerbangan, agensi pelancongan dan institusi kewangan, serta pelaksanaan inisiatif berimpak tinggi bagi memperluas capaian pasaran antarabangsa. Usaha ini memastikan manfaat ekonomi sektor pelancongan perubatan dapat dinikmati secara inklusif oleh komuniti setempat, di samping mengekalkan reputasi Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan kesihatan bertaraf antarabangsa

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(III)6**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

6. Nyatakan jumlah keuntungan bersih yang diperolehi PBA bagi tahun 2024 dan perincian kegunaan keuntungan ini.

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

6. Jumlah keuntungan bersih yang diperolehi PBA bagi tahun 2024 adalah sebanyak RM145.2 juta selepas cukai. Perincian kegunaan keuntungan ini adalah bagi tujuan berikut:

- (i) Perbelanjaan Operasi (OPEX)

Merangkumi kos pembaikan, penyelenggaraan, serta aktiviti operasi harian bagi memastikan kelancaran sistem bekalan air dan keberkesanan pengurusan aset sedia ada;

- (ii) Perbelanjaan Modal (CAPEX)

Melibatkan pelaksanaan projek menaik taraf infrastruktur sedia ada dan pembangunan infrastruktur baharu di bawah *Water Contingency Plan (WCP 2030)*. Ini termasuk penggantian paip lama, peningkatan kapasiti loji rawatan air, serta pelaksanaan inisiatif pengurangan kadar Air Tidak Terhasil (Non-Revenue Water, NRW);

- (iii) Pembiayaan Perbelanjaan Modal dan Faedah SUKUK

Peruntukan bagi pembayaran pembiayaan perbelanjaan modal serta faedah hasil daripada pengeluaran SUKUK berjumlah RM300 juta pada tahun 2025, yang bertujuan

menyokong pelaksanaan projek-projek infrastruktur air strategik negeri; dan

(iv) Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)

Memperuntukkan sebanyak RM4 juta di bawah program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Dana ini akan digunakan bagi pembinaan tangki sedutan, sistem pam, serta tangki atas bumbung untuk bangunan kediaman termasuk flat lima (5) tingkat tanpa lif, sebagai langkah meningkatkan kemudahan bekalan air kepada penduduk.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(III)7**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

7. Untuk tahun 2024 dan sehingga September 2025, berapakah jumlah laporan kes buli atau kes jenayah di sekolah yang diterima oleh Jabatan Pendidikan Negeri dan PDRM Pulau Pinang?
  - (a) Adakah Kerajaan Negeri juga bercadang mengadakan kempen kesedaran atau pendidikan terhadap kes buli dan jenayah di sekolah?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Laporan kes buli melalui Sistem Pengurusan Sahsiah Dalam IDMe (MOEIS) di bawah Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2024 adalah seramai 709 murid manakala tahun ini sehingga September 2025 pula adalah seramai 313 murid.

Di samping itu, laporan kes buli yang direkodkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) Pulau Pinang bagi tahun 2024 adalah sebanyak 32 kes manakala tahun ini sehingga September 2025 pula sebanyak 31 kes.

- (a) Dalam usaha pencegahan kes buli, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan pencegahan berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia (SPI KPM) Bilangan 12 Tahun 2023 bertajuk Pelaksanaan Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Buli di Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia telah

menggariskan panduan bagi semua sekolah antaranya adalah pelaksanaan program secara berterusan seperti:

- (i) Program ceramah anti-buli, kempen anti buli dengan kerjasama PDRM, Malaysia Crime Prevention Foundation (MCPF) dan Penang Women's Development Corporation (PWDC);
- (ii) Program "Gerakan Kepimpinan Madani : Hentikan Salah Laku Buli dan Seksual Tahun 2024" yang dilaksanakan pada 15 Disember 2024 hingga 13 Januari 2025;
- (iii) Kempen "Kami Benci Buli" yang dilaksanakan di sekolah sepanjang tahun secara berkala sewaktu perhimpunan pagi;
- (iv) Program "Town Hall Discussion Kontijen Pulau Pinang Tahun 2025", "Benci Buli – Cegah dan Lawan" pada 25 September 2025 di Dewan Sri Pinang;
- (v) Program "Town Hall Tribunal Antibuli : #Generasi Tanpa Buli Anjuran Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang" pada 25 September 2025 di Dewan SJKC Aik Hua;
- (vi) Kempen pencegahan buli sempena "Penang2030 Festival KOMTAR 2025" pada 11 Oktober 2025;
- (vii) Pemasangan banner, bunting dan poster pencegahan buli di sekolah;
- (viii) Pemerksaan Kelab Pencegahan Jenayah (KPJ) dengan melaksanakan program seperti Pelaksanaan Program Duta Sahsiah dan Kit Duta Sahsiah, Program Kit 5 Min bersama Guru Bimbingan Kaunseling (GBK), Lawatan Asrama bersama PDRM dan Pembudayaan Sahsiah Terpuji; dan

- (ix) Seminar kepada guru-guru kaunseling di Pulau Pinang anjuran Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB) pada 17 Julai 2025.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(III)8**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

8. Isu monyet liar.

- (a) KADUN Seri Delima dan Kebun Bunga mempunyai isu monyet liar yang sangat membimbangkan, apakah langkah Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini?
- (b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang wujudkan jawatankuasa khas bagi menangani masalah ini?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. (a) Langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Perhilitan bagi menangani konflik gangguan hidupan liar seperti kera adalah seperti berikut:
- (i) Siasatan Aduan: Menjalankan siasatan terhadap aduan yang diterima bagi mengenal pasti spesies terlibat dan tindakan sesuai. Siasatan telah dibuat di Seri Delima, Kebun Bunga dan Krystal Heights pada Jun 2024.
  - (ii) Khidmat Nasihat: Memberi nasihat kepada pengadu mengenai pengurusan sampah dan penjagaan kawasan bagi mengurangkan gangguan.
  - (iii) Pemasangan Perangkap: Memasang perangkap di lokasi sesuai; dua (2) unit perangkap dipasang di

Taman Bukit Indah pada Jun 2024 dan berjaya menangkap 40 ekor kera.

- (iv) Pemantauan Berterusan: Melakukan rondaan dan pemantauan 1–2 kali seminggu serta memastikan perangkap diaktifkan sepanjang tempoh operasi.
- (b) Buat masa ini, Kerajaan Negeri tidak bercadang menubuhkan jawatankuasa khas bagi menangani konflik manusia dan kera. Namun, Jabatan Perhilitan terus melaksanakan langkah sedia ada seperti:
- (i) Pemantauan dan kawalan populasi kera melalui tangkapan dan pemindahan di kawasan berisiko.
  - (ii) Program kesedaran masyarakat untuk meningkatkan kefahaman tentang pencegahan konflik.
  - (iii) Kerjasama dengan PBT dan agensi berkaitan bagi tindakan bersepadu di kawasan terjejas.

Kerajaan Negeri akan terus memantau situasi dan mempertimbangkan penubuhan jawatankuasa khas jika perlu pada masa hadapan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(III)9**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

9. Isu kereta tersadai.

- (a) Selepas pelancaran oleh Menteri Pengangkutan berkaitan Skim Strata Kenderaan Usang pada September lepas, apakah kesan atau sambutan yang diterima oleh MBPP?
- (b) Selain skim ini, apakah lagi perancangan MBPP bagi mengatasi masalah kereta tersadai

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. (a) Pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah menerima sambutan yang amat positif daripada komuniti perumahan strata selepas pelancaran Program Skim Strata Bebas Kenderaan Usang oleh YB Anthony Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan pada 20 September 2025 yang lalu. Program ini dilihat berjaya meningkatkan kesedaran dan kefahaman pihak *Joint Management Body* (JMB) dan pihak *Management Committee* (MC) mengenai kaedah pengurusan kenderaan usang di kawasan masing-masing.

Pihak pengurusan skim strata kini lebih memahami tanggungjawab dan bidang kuasa mereka termasuklah dalam menggubal *House Rules* yang berkaitan dengan kenderaan terbiar. Sehubungan dengan itu, langkah ini telah mendorong beberapa pengurusan skim perumahan strata untuk mula berurusan secara langsung dengan pihak MBPP bagi mendapatkan rujukan berhubung panduan teknikal serta nasihat pelaksanaan.

Sehingga kini, sebanyak lima (5) buah kenderaan usang telah diserahkan secara sukarela oleh pemilik masing-masing melalui kaedah 'e-Dereg' yang diperkenalkan oleh Kementerian Pengangkutan dengan kerjasama syarikat pelupusan berlesen (*Authorised Automotive Treatment Facility – AATF*) iaitu Car Medic Sdn. Bhd. Kaedah ini membolehkan proses pembatalan pendaftaran dilaksanakan dengan sah, efisien dan tanpa sebarang kos tambahan kepada pemilik.

Memandangkan Negeri Pulau Pinang menjadi negeri perintis pertama bagi program ini, pihak MBPP berpandangan bahawa program ini telah memberi impak yang sangat positif untuk meningkatkan kesedaran awam, menggalakkan kerjasama antara pihak kerajaan, pihak swasta dan komuniti strata serta membuka ruang kepada pelaksanaan pengurusan kenderaan usang yang lebih tersusun, sistematik dan mesra alam di Negeri Pulau Pinang secara keseluruhannya.

(b) Bagi mengatasi masalah kenderaan tersadai, pihak MBPP akan menggalak dan memperluas pelaksanaan Program Skim Strata Bebas Kenderaan Usang ke lebih banyak skim perumahan strata di kawasan pentadbiran MBPP kerana pendekatan penyerahan secara sukarela oleh pemilik kenderaan ini dilihat sebagai kaedah yang paling berkesan dan beretika dalam menguruskan pelupusan kenderaan usang.

Selain itu, pihak MBPP juga sedang meneliti peluang sekiranya dapat diwujudkan kerjasama antara pihak pengeluar dan pengedar kenderaan bagi memperkenalkan skim insentif tukar-balik (*trade-in*) untuk menggalakkan pemilik melupuskan kenderaan lama serta beralih kepada kenderaan baharu yang lebih selamat dan mesra alam.

Bagi jangka masa panjang pula, pihak MBPP berhasrat untuk mengemukakan syor kepada Kerajaan Negeri agar dapat mempertimbangkan penggubalan satu kerangka perundangan khusus berkaitan pelupusan kenderaan yang telah mencapai tempoh *end-of-life vehicle* (ELV). Langkah ini penting bagi memastikan pengurusan kenderaan usang dapat dilaksanakan secara lebih menyeluruh, berkesan dan mampan di seluruh Negeri Pulau Pinang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(III)10**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

10. Kenderaan berat yang membawa bahan binaan sesuatu projek sering mendatangkan masalah dan menyumbang kepada kesesakan lalu lintas. Adakah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bercadang memasukkan masa kenderaan berat sesuatu projek untuk masuk ke kawasan bandar dalam permohonan Kebenaran Merancang?
- (a) Jika tidak, adakah Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) akan bertanggungjawab jika berlaku sebarang kemalangan yang melibatkan kenderaan berat?

**YB H'NG MOOI LYE**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) memandang serius isu kesesakan lalu lintas yang sering timbul berikutan pelaksanaan projek pembangunan baharu. Setiap PBT mengambil langkah mitigasi melalui kaedah yang berbeza bagi mengelakkan isu ini daripada menjadi lebih kritikal. Bagi kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), pihak MBPP telah menetapkan syarat agar setiap pemaju menyediakan Pelan Pengurusan Trafik semasa mengemukakan Permohonan Kebenaran Merancang (PKM). Penyediaan pelan ini turut mengambil kira aspek pergerakan kenderaan berat keluar dan masuk ke tapak pembangunan bagi tujuan kawalan serta pemantauan aliran trafik di kawasan sekitarnya dan pelan ini akan disemak oleh Jabatan Kejuruteraan MBPP. Selain itu, pihak MBPP turut mensyaratkan supaya penghantaran bahan binaan hendaklah dijadualkan

pada waktu luar puncak sahaja untuk memastikan kelancaran aliran trafik dan mengurangkan kesesakan di kawasan sekitar.

Manakala bagi kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pula, pergerakan kenderaan berat yang memasuki kawasan bandar atau menggunakan jalan utama seperti Jalan Negeri dan Jalan Persekutuan untuk ke tapak cadangan pembangunan semasa peringkat kerja tanah, laluan tersebut hendaklah mendapat kelulusan daripada pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) selaku agensi penyelenggara jalan. Selain itu, MBSP telah menetapkan syarat dalam Pelan Kerja Tanah dan Pelan Bangunan bahawa kerja-kerja tanah serta kerja pembinaan hanya boleh dijalankan pada waktu yang dibenarkan sahaja iaitu antara jam 8.00 pagi sehingga 6.00 petang (Isnin sehingga Jumaat) dan jam 8.00 pagi sehingga 1.00 tengah hari (Sabtu). Kerja-kerja tersebut tidak dibenarkan dijalankan pada hari Ahad dan cuti umum. Namun, buat masa ini pihak MBSP tidak mempunyai sebarang cadangan untuk menetapkan jadual pergerakan kenderaan berat sesuatu projek ke kawasan bandar dalam PKM. Cadangan ini akan dipertimbangkan sekiranya mempunyai keperluan pada masa akan datang.

- (a) Sekiranya berlaku kemalangan yang melibatkan kenderaan berat, perkara tersebut adalah tertakluk di bawah peruntukan Akta Pengangkutan Jalan 1987 [AKTA 333] dan jika berlaku sebarang kejadian kemalangan di tapak pemajuan yang melibatkan kenderaan berat, ia akan dilindungi di bawah polisi insurans '*Contractor All Risks*', yang menjadi tanggungjawab pihak pemaju dan kontraktor projek yang dilantik.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(III)11**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

11. Senaraikan penerbangan antarabangsa yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang bagi Januari hingga September 2025 beserta dengan jumlah penumpang.

**YB WONG HON WAI**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Penerbangan antarabangsa yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang bagi Januari hingga September 2025 adalah seperti berikut:
- (a) Thai Airways;
  - (b) Firefly;
  - (c) Cathay Pacific;
  - (d) AirAsia;
  - (e) HK Express;
  - (f) Lion Air;
  - (g) Citilink, JetStar;
  - (h) Scoot Airlines;
  - (i) Singapore Airlines;

- (j) Batik Air;
- (k) China Southern Airlines;
- (l) China Airlines;
- (m) Thai Lion Air;
- (n) Myanmar Airways;
- (o) Qatar Airways;
- (p) FlyDubai, Xiamen Airlines;
- (q) Juneyao Airlines;
- (r) Shanghai Airlines;
- (s) Shenzhen Airlines;
- (t) Sichuan Airlines;
- (u) Indigo Airlines;
- (v) Loong Airlines; dan
- (w) Cambodia Airways.

Kerajaan Negeri tidak mempunyai akses kepada bilangan penumpang bagi setiap syarikat penerbangan namun data jumlah ketibaan antarabangsa di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

**LAMPIRAN A****KETIBAAN ANTARABANGSA DI LAPANGAN TERBANG  
ANTARABANGSA PULAU PINANG BAGI TAHUN 2025**

<b>BULAN</b>	<b>TAHUN 2025</b>
JANUARI	191,339
FEBRUARI	172,126
MAC	169,447
APRIL	119,946
MEI	168,083
JUN	162,544
JULAI	180,595
OGOS	166,702
SEPTEMBER	165,154
<b>JUMLAH</b>	<b>1,495,936</b>

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(III)12**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

12. Berapakah kadar minat membaca di kalangan rakyat Pulau Pinang?
- (a) Apakah kaedah Kerajaan Negeri dalam memupuk budaya suka membaca di Pulau Pinang?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Berdasarkan Kajian Profil Membaca Rakyat Malaysia 2022/2023 yang dilaksanakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), kadar membaca dalam kalangan rakyat Pulau Pinang direkodkan sebanyak 89.1 peratus, manakala pada tahun 2024/2025 kadar membaca masyarakat Pulau Pinang adalah sebanyak 95 peratus. Dapatan ini menunjukkan bahawa masyarakat Pulau Pinang mempunyai tahap amalan membaca yang tinggi dan merupakan antara negeri yang aktif dalam pembudayaan ilmu.
- (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (PPAPP) sentiasa komited dalam memperkukuh budaya membaca dalam kalangan rakyat negeri ini. Usaha dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan perpustakaan kekal relevan dan berperanan sebagai pusat rujukan ilmu, penyebaran maklumat dan komuniti pembelajaran sepanjang hayat yang inklusif seperti berikut:

**(i) Pemerkasaan Perkhidmatan Perpustakaan;**

- 1) Melalui penyediaan kemudahan perpustakaan yang kondusif, mesra pengguna dan mudah diakses oleh semua lapisan masyarakat.

<b>AKTIVITI / INISIATIF</b>	<b>JUMLAH PENGLIBATAN / PENYERTAAN</b>
Pemerkasaan Perkhidmatan Perpustakaan (pengunjung fizikal & maya)	688,293 pengunjung (426,742 fizikal, 261,551 maya)

**(ii) Program Galakan Membaca;**

Pada tahun 2025, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (PPAPP) terus giat melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memupuk budaya suka membaca dalam kalangan rakyat negeri ini. Salah satu pendekatan utamanya adalah melalui pelaksanaan Program Galakan Membaca merangkumi pelbagai bentuk aktiviti seperti kempen bacaan, pertandingan, pameran serta inisiatif pinjaman kelompok yang memberi peluang kepada masyarakat daripada pelbagai lapisan termasuk sekolah, tadika dan jabatan kerajaan untuk mengakses bahan bacaan dengan lebih mudah. Inisiatif ini turut mendapat sambutan menggalakkan.

<b>BILANGAN PELAKSANAAN / PROGRAM</b>	<b>JUMLAH PENGLIBATAN / PENYERTAAN</b>
2,360 program	1,935,229 peserta

1) Jom Baca Bersama 10 Minit;

- a) Program Jom Baca Bersama 10 Minit merupakan satu inisiatif kebangsaan yang mula diperkenalkan pada tahun 2014 oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Awam Se-Malaysia (MPAM). Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (PPAPP) turut menganjurkan Program Jom Baca Bersama 10 Minit Tahun 2025 sebagai komitmen berterusan dalam menyokong gerakan membaca kebangsaan.

<b>Program</b>	<b>Jumlah Penglibatan / Penyertaan</b>
Jom Baca Bersama 10 Minit	347,721 peserta

2) Program Jom Baca Bersama TKM1, YB Dato' Dr. Mohamad bin Abdul Hamid;

- a) Program Jom Baca Bersama TKM1 diinisiatifkan oleh Timbalan Ketua Menteri 1, YB Dato' Dr. Mohamad bin Abdul Hamid yang melibatkan 41 buah sekolah merangkumi 13 Parlimen di Negeri Pulau Pinang.

3) Jalinan Kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang; dan

- a) Pada 5 Februari 2025, Majlis Peluncuran Rakan Strategik antara Jabatan Pendidikan Negeri dengan Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang telah diadakan di Prangin Mall, menandakan kerjasama strategik bagi memupuk budaya membaca dalam kalangan pelajar;
- b) Perpustakaan menyokong pelaksanaan Program NILAM di sekolah-sekolah dengan menyediakan pelbagai bahan bacaan yang sesuai mengikut tahap umur dan minat pelajar. Melalui penyediaan koleksi

buku fizikal dan digital, perpustakaan memudahkan pelajar mengakses bahan bacaan untuk direkodkan dalam Buku NILAM mereka.

- c) Perpustakaan turut menganjurkan sesi bimbingan, bengkel membaca dan penulisan, serta aktiviti galakan membaca seperti ceramah dan pertandingan ulasan buku, bagi meningkatkan kemahiran literasi pelajar.

#### 4) Pesta Buku Pulau Pinang.

- a) Pesta Buku Pulau Pinang turut memainkan peranan sebagai pemangkin kepada pertumbuhan industri perbukuan tempatan dengan menyediakan ruang niaga, promosi dan jaringan antara penerbit, penulis, pembaca dan industri perbukuan. Selain jualan buku dan produk pendidikan, Pesta Buku membuka peluang kolaborasi bagi memperkasa komuniti ilmu seperti institusi pendidikan, agensi kerajaan, NGO dan syarikat teknologi. Kesannya, Pulau Pinang bakal dilihat sebagai pusat ilmu yang dinamik dan berdaya tahan, seterusnya menjana impak sosioekonomi yang mampan melalui pembangunan intelektual masyarakat.

- b) Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (PPAPP) dengan kerjasama Kementerian Perpaduan Malaysia, Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang telah menganjurkan Pesta Buku Pulau Pinang Tahun 2025 bersempena Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2025 pada 17 hingga 20 Julai 2025 bertempat di pekarangan Stadium Negeri Pulau Pinang, Batu Kawan telah mencatatkan jumlah pengunjung seramai 221,299 orang.

#### **(iii) Penyediaan Akses Kepada Bahan Bacaan Elektronik; dan**

- 1) Selaras dengan perkembangan teknologi dan keperluan pembaca masa kini, Kerajaan Negeri juga

menumpukan perhatian kepada pengukuhan literasi digital melalui penyediaan akses kepada bahan bacaan elektronik yang lebih interaktif dan mesra pengguna.

- 2) Sebagai sebahagian daripada usaha transformasi digital, PPAPP juga menyediakan perkhidmatan Hub Digital @ PPAPP secara percuma iaitu pusat akses sehenti bagi kemudahan bacaan elektronik, pembelajaran dalam talian dan aktiviti berasaskan teknologi. Melalui Hub Digital @ PPAPP yang dipanjangkan penggunaannya melalui platform u-Pustaka, pengguna dapat mengakses pelbagai sumber digital seperti e-Buku, e-Majalah, e-Suratkhobar, e-Jurnal, buku audio, 19 pangkalan data dalam talian yang disediakan menerusi Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) kepada Perpustakaan Awam Negeri (PAN). Sebanyak 5 juta judul bahan bacaan digital disediakan yang boleh diakses pada setiap masa.

**(iv) Inisiatif Pinjaman Kelompok: Strategi PPAPP Meningkatkan Jumlah Pinjaman dan Pembudayaan Membaca.**

- 1) Menerusi program pinjaman kelompok yang merupakan salah satu inisiatif strategik Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang bagi meningkatkan jumlah pinjaman bahan bacaan serta memperluas capaian perkhidmatan kepada komuniti. Melalui program ini, perpustakaan menawarkan kemudahan pinjaman secara pukal kepada institusi seperti sekolah, tadika, jabatan kerajaan dan komuniti di mana wakil bertindak sebagai penyelaras pinjaman bagi pihak kumpulan mereka. Pendekatan ini bukan sahaja memudahkan akses kepada bahan bacaan tanpa perlu hadir secara individu ke perpustakaan, malah menggalakkan pembudayaan membaca secara menyeluruh dalam kalangan warga sekolah, kanak-kanak, penjawat awam dan komuniti. Inisiatif ini membantu meningkatkan statistik pinjaman bahan perpustakaan di samping memperkukuh peranan perpustakaan sebagai pusat ilmu dan pembelajaran sepanjang hayat dalam komuniti.

<b>PINJAMAN KELOMPOK</b>	<b>JUMLAH PINJAMAN</b>
209 Institusi	175,689 bahan

**(v) Menggalakkan aktiviti lawatan penanda aras, lawatan akademik dan penglibatan komuniti ke Perpustakaan.**

- 1) PPAPP sentiasa menggalakkan aktiviti lawatan akademik, lawatan penandaarasan, dan penglibatan komuniti ke perpustakaan sebagai usaha memperkukuh jaringan kerjasama serta menonjolkan peranan perpustakaan sebagai pusat ilmu dan rujukan.
- 2) Sepanjang tahun 2025, sebanyak 31 lawatan telah diterima dengan penyertaan seramai 1,336 orang, melibatkan pelbagai sektor institusi.
- 3) Inisiatif ini bukan sahaja memperkukuh kerjasama antara perpustakaan dengan pelbagai institusi, malah menonjolkan PPAPP sebagai hab ilmu, pusat rujukan, dan lokasi penandaarasan bagi masyarakat umum.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(III)13**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

13. Rumah Pangsa Padang Tembak.

- (a) Berapakah jumlah peruntukan Kerajaan Negeri yang disalurkan untuk kerja-kerja penyelenggaraan bagi tempoh 2023, 2024 dan sehingga September 2025?
- (b) Apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan kualiti kehidupan penduduk Padang Tembak ditambah baik?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang terus komited dalam usaha memastikan kesejahteraan rakyat serta peningkatan kualiti hidup penduduk, khususnya di kawasan Rumah Pangsa Padang Tembak, melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif pembangunan dan kerja penyelenggaraan secara berkala. Sejak tahun 2023 sehingga September 2025, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM3,751,169.96 bagi pelaksanaan sebanyak 94 projek penyelenggaraan di skim-skim perumahan awam dan swasta yang layak di seluruh Negeri Pulau Pinang. Jadual perincian peruntukan penyelenggaraan Rumah Pangsa Padang Tembak bagi tempoh tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

- (b) Kerajaan Negeri Pulau Pinang sangat komited dalam usaha memperbaiki kemudahan asas bagi memudahkan kehidupan rakyat terutamanya penduduk di Rumah Pangsa Padang Tembak. Antara langkah yang telah diambil adalah:
- (i) Memberi bantuan penyelenggaraan lif bagi memastikan sistem lif berfungsi dengan baik; dan
  - (ii) Melantik syarikat pengurusan harta swasta untuk menguruskan Skim Rumah Pangsa Padang Tembak bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan, mempercepat penyelesaian aduan dan memperkukuh pengurusan harian perumahan.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) telah mengenal pasti Rumah Pangsa Padang Tembak sebagai salah satu projek di bawah inisiatif Pembaharuan Semula Bandar dalam *Rolling Plan 5 (RP5)*, Pelan Induk Pembangunan LPNPP 2026–2030. Inisiatif ini bertujuan untuk mewujudkan persekitaran perbandaran yang lebih moden, mampan, berdaya huni dan inklusif di samping menangani isu seperti keluasan unit kediaman yang kecil serta kekurangan kemudahan masyarakat. Pendekatan ini juga dapat membuka ruang kepada pembangunan semula kawasan lama agar dapat dimanfaatkan sepenuhnya demi kesejahteraan rakyat secara tuntas.

PERINCIAN PERUNTUKAN PENYELENGGARAAN RUMAH PANGSA PADANG TEMBAK BAGI  
TAHUN 2023 SEHINGGA SEPTEMBER 2025

TAHUN	PERUNTUKAN			JUMLAH (RM)
	BELANJA PEMBANGUNAN (RM)	PROGRAM PENYENGGARAAN PERUMAHAN (RM)	AKAUN AMANAH PERUMAHAN MAMPU MILIK (RM)	
2023	1,673,118.98	446,700.00	222,143.17	2,341,962.15
2024	800,510.00	0.00	40,600.00	841,110.00
SEPTEMBER 2025	0.00	438,101.00	129,996.81	568,097.81
<b>JUMLAH KESELURUHAN (RM)</b>	<b>2,473,628.98</b>	<b>884,801.00</b>	<b>392,739.98</b>	<b>3,751,169.96</b>

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(III)14**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

14. Tanah adalah bidang kuasa mutlak Kerajaan Negeri, apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap tuan tanah yang menyewakan tanah untuk didirikan rumah tetapi tidak melaksana kerja penyelenggaraan?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

14. Tanah terletak di bawah bidang kuasa mutlak Kerajaan Negeri seperti yang diperuntukkan di bawah Senarai II, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Ini bermaksud urusan seperti pemegangan tanah, pendaftaran hakmilik dan surat ikatan berhubungan dengan tanah, penerokaan, pemajuan tanah, pengambilan tanah, pengeluaran permit dan lesen untuk mencari gali lombong dan lain-lain yang berkaitan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah dan Galian serta Pejabat Daerah dan Tanah.

Walaupun Kerajaan Negeri mempunyai kuasa mutlak ke atas tanah, kuasa tersebut adalah tertakluk kepada undang-undang yang berkuat kuasa terutamanya Kanun Tanah Negara [Akta 828]. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri tidak boleh bertindak sewenang-wenangnya ke atas tanah milik kerana hakmilik tersebut dilindungi oleh undang-undang selaras dengan Seksyen 340(1), Kanun Tanah Negara, kecuali ada asas-asas tertentu bagi menyangkal keesahannya.

Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah dan Tanah akan memantau tanah-tanah bermilik bagi mengenal pasti sama ada pembangunan yang dilaksanakan adalah mengikut kategori kegunaan tanah dan syarat nyata yang diluluskan. Sekiranya didapati tuan tanah melanggar syarat nyata atau tidak mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan, tindakan penguatkuasaan boleh diambil di bawah Seksyen 129 Kanun Tanah Negara [Akta 828].

- (ii) Kilang Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Utara Penang Science Park untuk menyokong pertumbuhan Industri Kecil dan Sederhana (IKS); dan
- (iii) Waterfront Foodie @ Bayan Lepas dijadikan destinasi baharu pelancongan komuniti berkonsepkan makanan dan gaya hidup (*food & lifestyle*).

Kerajaan Negeri Pulau Pinang amat menghargai komitmen dan usaha berterusan PDC dalam menjayakan agenda pembangunan negeri. Kejayaan yang dicapai oleh PDC ini membuktikan bahawa Pulau Pinang bukan sahaja kekal sebagai destinasi pelaburan pilihan serantau, tetapi juga negeri yang mengutamakan kesejahteraan rakyat melalui pembangunan seimbang antara ekonomi dan sosial.

Kerajaan Negeri akan terus memberikan sokongan penuh kepada PDC bagi memastikan setiap projek pembangunan yang dirancang dapat dilaksanakan secara mampan, inklusif dan memberi manfaat langsung kepada rakyat Pulau Pinang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(III)20**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

20. Senaraikan peruntukan MBPP ke TPS Hill Trace bagi tahun 2025 dan anggaran pada tahun 2026.
- (a) Apakah perancangan jangka panjang MBPP terhadap TPS ini?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah memperuntukkan sebanyak RM500,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Ratus Ribu Sahaja) untuk tahun 2025 bagi pelaksanaan kerja-kerja pengubahsuaian dan menaik taraf Tapak Penjaja Sementara (TPS) Hill Trace yang terletak di Jalan Mount Erskine. Anggaran peruntukan bagi tujuan yang sama pada tahun 2026 adalah sebanyak RM1.0 juta (Ringgit Malaysia Satu Juta Sahaja).
- (a) Buat masa ini, pihak MBPP tidak mempunyai perancangan jangka panjang terhadap TPS Hill Trace. Walau bagaimanapun, pihak MBPP akan melaksanakan kerja-kerja pengubahsuaian, menaik taraf dan penyelenggaraan secara berkala dari semasa ke semasa untuk memastikan segala kemudahan dan fasiliti di TPS Hill Trace sentiasa berada dalam keadaan baik serta dapat memberikan keselesaan kepada para peniaga dan pengunjung.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(III)21**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

21. Berapa ramai yang mengambil bahagian dalam Skim Sewa-Beli Perumahan?
- (a) Apakah masalah utama yang dihadapi dalam melaksanakan skim ini?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) telah melaksanakan Skim Sewa Beli atau lebih dikenali sebagai *Rent-to-Own* (RTO) iaitu satu inisiatif proaktif Kerajaan Negeri bagi membantu rakyat Negeri Pulau Pinang memiliki kediaman sendiri. Pelaksanaan skim ini adalah selaras dengan visi LPNPP untuk memastikan setiap keluarga di negeri ini berpeluang memiliki rumah yang bersesuaian dengan kemampuan masing-masing.

Sehingga Oktober 2025, sebanyak **1,736 permohonan telah diluluskan dan ditawarkan daripada keseluruhan 2,290 permohonan** yang diterima di bawah skim ini, melibatkan kelima-lima daerah di Negeri Pulau Pinang seperti yang diperincikan di **LAMPIRAN A**.

- (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang berdepan dengan beberapa masalah atau cabaran utama dalam pelaksanaan Skim RTO yang dikendalikan oleh LPNPP sebagai agensi pelaksana utama. Antara masalah atau cabaran utama yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

(i) **Peningkatan kos pembinaan dan harga tanah;**

Kos pembinaan yang semakin meningkat serta harga tanah yang tinggi khususnya di kawasan pulau menjadikan penyediaan unit di bawah Program Rumah Mutiaraku (RMKu) semakin mencabar. Keadaan ini memerlukan subsidi yang besar daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi memastikan harga jualan kekal mampu milik dan berpatutan kepada golongan sasaran;

(ii) **Isu kelayakan dan komitmen penyewa;**

Sebahagian peserta Skim RTO tidak mempunyai keupayaan kewangan yang stabil atau gagal menjelaskan bayaran sewa secara konsisten sepanjang tempoh sewaan. Situasi ini menjejaskan keupayaan mereka untuk memiliki rumah selepas tamat tempoh sewaan dan dalam masa yang sama meningkatkan risiko tunggakan sewa;

(iii) **Kurangnya penyertaan daripada pemaju swasta**

Faktor margin keuntungan yang rendah serta risiko kutipan sewa tertunggak menyebabkan ramai pemaju swasta kurang berminat untuk menyertai Skim RTO sekali gus mengehadkan jumlah unit yang dapat disediakan melalui kerjasama awam-swasta; dan

(iv) **Kekangan tanah untuk pembangunan.**

Kekurangan tanah yang sesuai khususnya di kawasan strategik dalam Negeri Pulau Pinang menjadi antara halangan utama untuk memperluas pelaksanaan skim ini. Walaupun terdapat tanah di kawasan Seberang Perai, lokasi tersebut sering kurang mendapat sambutan disebabkan oleh faktor jarak, kemudahan infrastruktur dan aksesibiliti yang terhad.

## PERINCIAN PENAWARAN SKIM SEWA BELI DI PULAU PINANG MENGIKUT DAERAH

BIL.	NAMA PROJEK SEWA BELI	DAERAH	BILANGAN UNIT
1	TAMAN SERI DESA	SEBERANG PERAI UTARA	109
2	PANGSAPURI MEKAR SARI 1 – KOS RENDAH	SEBERANG PERAI UTARA	23
3	BANDAR PUTRA BERTAM – KOS RENDAH	SEBERANG PERAI UTARA	1
4	PANGSAPURI MEKAR SARI 1 – KOS SEDERHANA RENDAH	SEBERANG PERAI UTARA	30
5	PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR) MAK MANDIN	SEBERANG PERAI UTARA	143
6	RUMAH PANGSA DESA WAWASAN BLOK B	SEBERANG PERAI TENGAH	352
7	TAMAN SUNGAI DURI PERMAI	SEBERANG PERAI SELATAN	145
8	TAMAN SERULING EMAS	SEBERANG PERAI SELATAN	103
9	TAMAN SEJAHTERA RAKYAT (KAMPUNG KEPALA GAJAH)	SEBERANG PERAI SELATAN	53
10	SRI SAUJANA	DAERAH TIMUR LAUT	2
11	PANGSAPURI IDAMAN PRESTIJ (K-PARK)	DAERAH BARAT DAYA	775
<b>JUMLAH</b>			<b>1,736</b>

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(III)22**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

22. Berapakah perbelanjaan Penang FC bagi tahun 2024 dan anggaran tahun 2025?
- (a) Apakah rancangan Penang FC untuk meningkatkan mutu permainan dan kualiti pemain?

**YB GOOI ZI SEN  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Jumlah perbelanjaan Penang FC bagi tahun 2024 adalah sebanyak RM11,411,209.00 dan anggaran tahun 2025 adalah sebanyak RM10,196,093.00.
- (a) Buat masa kini, Penang FC sedang memperkukuhkan lagi pemain-pemain baharu bagi membina keserasian dan semangat berpasukan. Penang FC kini berada dalam momentum positif. Dalam tiga (3) perlawanan terakhir, prestasi pemain menunjukkan peningkatan yang ketara hasil daripada keserasian dan persefahaman yang semakin terbina dalam kalangan pasukan.

Pihak pengurusan menjangkakan bahawa Penang FC akan terus meningkatkan mutu permainan serta memperkukuh kualiti keseluruhan pasukan pada masa akan datang.

Antara rancangan bagi meningkatkan mutu permainan dan kualiti pemain Penang FC adalah seperti berikut:

- (i) Menambah baik kaedah latihan taktikal dan teknikal melalui analisis video perlawanan serta penggunaan data prestasi pemain yang disediakan oleh juru analisis pasukan;
- (ii) Menjalankan latihan berintensiti tinggi secara berkala;
- (iii) Latihan mental dan psikologi melalui program "*team building*" dan kepimpinan bagi memperkukuh semangat berpasukan serta disiplin pemain;
- (iv) Memberi bimbingan individu kepada pemain untuk mengurus tekanan dan meningkatkan keyakinan diri;
- (v) Peningkatan aspek fizikal melalui pelaksanaan program fizikal "*conditioning*" yang merangkumi kekuatan, ketahanan dan pemulihan (*recovery*);
- (vi) Memantau pemakanan dan pemulihan pemain yang diselia oleh pakar nutrisi sukan;
- (vii) Pembangunan berterusan melalui program pembangunan pemain muda (*youth development*) bagi melahirkan bakat tempatan berkualiti; dan
- (viii) Menggalakkan penyertaan jurulatih dalam kursus dan latihan lanjutan bagi meningkatkan kemahiran kejurulatihan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(III)23**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

23. Senaraikan jenis dan jumlah sumbangan industri kuari kepada Kerajaan Negeri dari tahun 2008 hingga 2024.
- (a) Senaraikan jumlah lokasi dan tempoh pajakan bagi kuari ini.

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

23. Industri kuari yang aktif di Negeri Pulau Pinang adalah kuari yang mengeluarkan bahan batuan jenis batu, *granite* dan tanah merah. Jumlah sumbangan industri kepada Kerajaan Negeri adalah berbentuk pulangan royalti iaitu sebanyak RM8,024,978.00 antara tahun 2020 hingga 2024.
- (a) Senarai lokasi dan tempoh pajakan bagi kuari-kuari ini adalah seperti berikut:

<b>Lokasi</b>	<b>Pegangan</b>
Lot 20364, Mukim 13, Daerah Timur Laut	Selama-lamanya
Lot 625, 627 dan 2342, Mukim 12, Daerah Barat Daya	Selama-lamanya
Lot 817, 818, 1104 dan 1105, Mukim 4, Seberang Perai Selatan	Selama-lamanya

Lokasi	Pegangan
Lot 10189, 10190 dan 195, Mukim 17, Seberang Perai Tengah	Lot 10189 dan 10190: 99 tahun Lot 195: Selama-lamanya
PT 659, Mukim 12, Seberang Perai Tengah	30 tahun

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(III)24**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

24. Nyatakan JMB / MC yang terdapat di KADUN Kebun Bunga.
- (a) Berapakah JMB / MC yang tidak aktif?
  - (b) Apakah peranan COB dalam memastikan mereka kembali aktif?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Berdasarkan rekod Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), terdapat sebanyak **52 skim strata** yang terletak di dalam **Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (KADUN) Kebun Bunga**. Maklumat terperinci berkaitan Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) bagi skim-skim tersebut adalah seperti di **Lampiran A**.
- (a) Terdapat 16 JMB/MC yang tidak aktif dalam KADUN Kebun Bunga.
  - (b) Secara dasarnya, **tindakan yang boleh diambil oleh pihak COB** bagi memastikan skim strata yang tidak aktif untuk kembali berfungsi adalah dengan mengambil tindakan berdasarkan peruntukan di bawah **Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757]** seperti berikut:
    - (i) Berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 11(5)(a), Akta 757, sekiranya Pesuruhjaya berpuas

hati bahawa Jawatankuasa Pengurusan tidak dibentuk dengan sepatutnya, Pesuruhjaya boleh memberi kuasa secara bertulis kepada mana-mana pemilik petak untuk mengadakan Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) bagi tujuan penubuhan semula pengurusan;

- (ii) Pihak COB boleh melaksanakan pelantikan ejen pengurusan berdaftar bagi mengurus tadbir skim strata yang terlibat secara sementara sehingga penubuhan semula JMB/MC dapat dilaksanakan oleh pemilik-pemilik petak; dan
- (iii) Pihak COB turut melaksanakan inisiatif pendidikan dan libat urus secara berterusan kepada pemilik-pemilik petak untuk memberikan penerangan dan kesedaran berhubung tanggungjawab di bawah Akta 757 serta kepentingan penubuhan JMB/ MC bagi memastikan urusan pentadbiran dan penyelenggaraan bangunan berjalan secara teratur dan berkesan.

LAMPIRAN A

STATUS PIHAK PENGURUSAN BANGUNAN BAGI KADUN KEBUN BUNGA  
DI BAWAH MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

BIL.	NAMA SKIM	PEMAJU	NO. LOT	BIL. PETAK	JMB/MC	MUKIM
1	BANGUNAN LOT 1471	KUAN WAH DEV. SDN. BHD.	LOT 1471 G 7623	30	MC	SEKSYEN 2, GEORGE TOWN
2	TAMAN BATU BUKIT BLOK 10/12	VIGOL DEVELOPMENT SDN. BHD.	LOT 1380 G 15731	60	MC	SEKSYEN 1, TANJUNG TOKONG
3	TAMAN BATU BUKIT	VIGOL DEVELOPMENT SDN. BHD.	LOT 1383 G 15734	30	MC	SEKSYEN 1, TANJUNG TOKONG
4	TAMAN BATU BUKIT	VIGOL DEVELOPMENT SDN. BHD.	LOT 1384 G 15735	135	MC	SEKSYEN 1, TANJUNG TOKONG
5	TAMAN BATU BUKIT (BLOK 14)	VIGOL DEV. SDN. BHD.	LOT 1381 G 15732	25	MC	SEKSYEN 1, TANJUNG TOKONG
6	RIFLE RANGE - BLOK D	SUK	LOT 1278 PN 220	431	PEMAJU	SEKSYEN 2, AYER ITAM
7	RIFLE RANGE - BLOK C	SUK	LOT 1279 PN 221	431	PEMAJU	SEKSYEN 2, AYER ITAM
8	RIFLE RANGE - BLOK F	SUK	LOT 1280	408	PEMAJU	SEKSYEN 2, AYER ITAM
9	RIFLE RANGE - BLOK E	SUK	LOT 1277 PN 219	431	PEMAJU	SEKSYEN 2, AYER ITAM
10	RIFLE RANGE - BLOK A	SUK	LOT 1275	408	PEMAJU	SEKSYEN 2, AYER ITAM

BIL.	NAMA SKIM	PEMAJU	NO. LOT	BIL. PETAK	JMB/MC	MUKIM
			PN 217			AYER ITAM
11	RIFLE RANGE - BLOK B	SUK	LOT 1276 PN 218	408	PEMAJU	SEKSYEN 2, AYER ITAM
12	RIFLE RANGE - BLOK G	SUK	LOT 1281 PN 223	407	PEMAJU	SEKSYEN 2, AYER ITAM
13	RIFLE RANGE - BLOK H	SUK	LOT 1282 PN 224	408	PEMAJU	SEKSYEN 2, AYER ITAM
14	VILLA BUNGA TELANG	CHIN BROTHERS CO. SDN. BHD.	LOT 2032 G 47371	20	MC	SEKSYEN 1, TANJUNG TOKONG
15	RIFLE RANGE - BLOK J	SUK	LOT 1283 PN 225	408	PEMAJU	SEKSYEN 2, AYER ITAM
16	MEDAN LUMBA KUDA - LOT 2061	KEEPAHEAD HOLDINGS SDN. BHD.	LOT 2061 G HBM 63	268	MC	SEKSYEN 2, GEORGE TOWN
17	LAHAT COURT	YUEN SUN DEVELOPMENT SDN. BHD.	LOT 2062 G HBM166	81	MC	SEKSYEN 2, GEORGE TOWN
18	LAHAT VILLA	YUEN SUN DEVELOPMENT SDN. BHD.	LOT 1810 G 30250	8	MC	SEKSYEN 2, GEORGE TOWN
19	KAYANGAN PURI MUTIARA	JURIMAS SDN. BHD.	LOT 3793 G HBM 86	267	MC	MUKIM 18
20	KAYANGAN PURI MUTIARA DARAT	JURIMAS SDN. BHD.	LOT 3792 GT. HBM 120	56	MC	MUKIM 18
21	PARK AVENUE	THONG SIN DEVELOPMENT SDN. BHD.	LOT 3794 GM 355	41	MC	MUKIM 18
22	DESA TIMOR	TROPILAND SDN. BHD.	LOT 2017 G 52598	12	MC	SEKSYEN 2, GEORGE TOWN

BIL.	NAMA SKIM	PEMAJU	NO. LOT	BIL. PETAK	JMB/MC	MUKIM
23	FOREST FIELD - WATERFALL	THONG SIN DEVELOPMENT SDN. BHD.	LOT 3795 GM 356	53	MC.	MUKIM 18
24	SCOTLAND PARK	NIKMAT JAYA SDN. BHD.	LOT 2077 G HBM 144	68	MC	SEKSYEN 2, GEORGE TOWN
25	TAMAN HARMONI	CONFLUX DEVELOPMENT SDN. BHD.	LOT 2066 G54719	38	MC	SEKSYEN 2, GEORGE TOWN
26	TAMAN HARMONI	CONFLUX DEVELOPMENT SDN. BHD.	LOT 2067 G54720	32	MC	SEKSYEN 2, GEORGE TOWN
27	LEISURE BAY	LEISURE HOLIDAYS HOLDINGS SDN. BHD.	LOT 3177 G47623	82	MC	SEKSYEN 1, TANJUNG TOKONG
28	TAMAN JESSELTON HEIGHTS	GARDEN COURT SDN. BHD.	LOT 809 G 5922	9	MC	SEKSYEN 2, GEORGE TOWN
29	DESA LUMBA KUDA	PRIMA KINTA SDN. BHD.	LOT 2064 GT 52154	42	MC	SEKSYEN 2, GEORGE TOWN
30	TAMAN KUDA MAS	MEDAL RANK SDN. BHD.	LOT 2073 G 58680	18	JMB	SEKSYEN 2, GEORGE TOWN
31	TAMAN ERSKINE	UJUNG PELANGI SDN. BHD.	LOT 1592 GT 62431	37	MC	SEKSYEN 2, TANJUNG BUNGAH
32	VILLA BATU BUKIT	CHIN BROTHERS COMPANY LIMITED	LOT 2055 GT. 73252	72	MC	SEKSYEN 1, TANJUNG TOKONG
33	PANGSAPURI MEWAH VILLA SCOTLAND	DENMAS SDN. BHD.	LOT 2071 GT. 58678	98	MC	SEKSYEN 2, GEORGE TOWN

BIL.	NAMA SKIM	PEMAJU	NO. LOT	BIL. PETAK	JMB/MC	MUKIM
34	PERBADANAN PENGURUSAN BLOK 16	VIGOL DEVELOPMENT SDN. BHD.	LOT 1382 GT 15733	8	MC	SEKSYEN 1, TANJUNG TOKONG
35	MENARA KUDA LARI	EVER NOBLE SDN. BHD.	LOT 2134 HS(D) 14261	213	MC	SEKSYEN 2, GEORGE TOWN
36	TAMAN EVERGREEN	UJUNG PELANGI SDN. BHD.	LOT 1637 GERAN 91195	35	MC.	SEKSYEN 2, TANJUNG BUNGAH
37	ALILA HORIZON	HUNZA PROPERTIES (N) SDN. BHD.	LOT 4244 G.M. 375	250	MC	MUKIM 18
38	ALILA HOMES	HUNZA PROPERTIES (N) SDN. BHD.	LOT 4245	162	MC	MUKIM 18
39	PUNCAK ERSKINE	PRIME VIEW SDN. BHD.	LOT 135 & 3562	1074	JMB	MUKIM 18
40	TAMAN SERI TANJONG	PALMEX INDUSTRIES SDN. BHD.	LOT 3175	40	JMB	SEKSYEN 1, TANJUNG TOKONG
41	FETTES RESIDENCES	PALMEX INDUSTRIES SDN. BHD.	LOT 3390	195	MC	SEKSYEN 1, TANJUNG TOKONG
42	THE PEAK RESIDENCES	IVORY VILLAS SDN. BHD.	Tiada maklumat	637	JMB	MUKIM 18
43	TRI PINNACLE	ASPEN GROUP	LOT 3622, 3624 – 3626	1257	JMB	MUKIM 18
44	TAMAN BUKIT ERSKINE	IVORY VILLAS SDN. BHD.	LOT 141	554	JMB	MUKIM 18
45	THE LATITUDE	IVORY PROPERTIES	Tiada maklumat	238	JMB	MUKIM 18

BIL.	NAMA SKIM	PEMAJU	NO. LOT	BIL. PETAK	JMB/MC	MUKIM
46	E GARDEN	TETUAN VISENTAK CAPITAL SDN. BHD.	LOT 10156-10158	142	JMB	MUKIM 18
47	MONT RESIDENCE	TETUAN VISENTAK CAPITAL SDN. BHD.	LOT 10156-10158	473	JMB	MUKIM 18
48	SKYRIDGE GARDEN	JIRAN BINA SDN. BHD.	LOT 3585	486	JMB	MUKIM 18
49	SKYRIDE APARTMENT	JIRAN BINA SDN. BHD.	LOT 3585	306	JMB	MUKIM 18
50	ALILA 2	NILAI ARIF SDN. BHD.	LOT 10159	270	JMB	MUKIM 18
51	SCOTS PAVILLION	GL SEMESTA CORPORATION SDN. BHD.	GRN 11370 LOT 10034 SEK 2 GEORGE TOWN	99	JMB	SEKSYEN 2, GEORGE TOWN
52	CITADINES TANJUNG TOKONG	REGALIA PIONEER SDN. BHD.	PT 295 SEK. 1 BTT	50	PEMAJU	SESYEN. 1, TANJUNG TOKONG

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(III)25**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

25. Nyatakan kos pengurusan sisa pepejal MBPP dengan peratusan daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan MBPP.
- (a) Nyatakan tindakan MBPP untuk menambah baik pengurusan sisa pepejal.
  - (b) Adakah dasar pengasingan sampah mencapai tujuan seperti yang ditetapkan?

**YB H'NG MOOI LYE**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Kos pengurusan sisa pepejal bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) secara purata selama tempoh tiga (3) tahun adalah sebanyak RM120,236,306.58 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Dua Puluh Juta Dua Ratus Tiga Puluh Enam Ribu Tiga Ratus Enam dan Lima Puluh Lapan Sen Sahaja) iaitu bersamaan dengan 28.39% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan MBPP.
- (a) Antara tindakan yang diambil oleh pihak MBPP untuk memastikan pengurusan sisa pepejal yang berkesan adalah seperti berikut:
    - (i) Memperkasa sistem pengurusan sisa pepejal bersepadu melalui penggunaan teknologi pintar bagi memantau operasi pengurusan sisa secara masa nyata (real-time). Inisiatif ini merangkumi penggunaan Internet Benda (Internet of Things – IoT) untuk

menjejaki pergerakan kenderaan kutipan sampah serta mengoptimumkan laluan kutipan;

- (ii) Menambah baik fasiliti pelupusan sisa pepejal seperti tapak pelupusan sanitari dan loji rawatan sisa bagi menampung peningkatan jumlah sisa pepejal yang dihasilkan;
  - (iii) Memperluas kerjasama strategik dengan pihak industri, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan institusi pendidikan dalam pelaksanaan program kitar semula bagi menyokong usaha pengurangan sisa ke tapak pelupusan;
  - (iv) Memperkukuh penguatkuasaan undang-undang dan peraturan berkaitan pengurusan sisa pepejal di kawasan perumahan dan premis perniagaan bagi memastikan pematuhan yang lebih berkesan; dan
  - (v) Melaksanakan kempen kesedaran awam secara berterusan berkaitan amalan pengurusan sisa mampan seperti kitar semula dan pengurangan sisa makanan melalui pelbagai medium termasuk media sosial, pertandingan dan program komuniti.
- (b) Dasar Pengasingan Sisa di Punca telah dilaksanakan semula oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 1 Julai 2024. Pelaksanaan dasar ini telah meningkatkan tahap kesedaran awam dan mempertingkatkan kadar kitar semula di bawah pentadbiran MBPP.

Hasil pelaksanaan dasar ini dapat dilihat melalui peningkatan kadar kitar semula yang direkodkan di bawah pentadbiran MBPP iaitu sebanyak 41.78% pada tahun 2023 dan telah meningkat kepada 43.72% pada tahun 2024 dan seterusnya kepada 45.27% sehingga September 2025.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(III)26**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

26. Apakah rasional Kerajaan Negeri membenarkan pemaju boleh melakukan pemindahan kadar densiti ke projek perumahan yang lain?
- (a) Adakah kerajaan sedar bahawa kebenaran ini telah disalahguna oleh pemaju?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Pemindahan kadar densiti merupakan dasar yang membolehkan pemilik tanah untuk menjual hak pembangunan kepada pemaju atau lain-lain pihak berkepentingan yang kemudiannya boleh menggunakan hak tersebut untuk meningkatkan densiti pembangunan di lokasi lain yang telah ditetapkan.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah membenarkan pemaju melakukan pemindahan kadar densiti sebagai salah satu mekanisme kawalan pembangunan yang bertujuan untuk mengoptimumkan penggunaan tanah dan memastikan pembangunan yang lebih seimbang serta mampan khususnya di kawasan George Town, Pulau Pinang.

Pelaksanaan dasar ini dilaksanakan di kawasan MBPP melalui Garis Panduan Pemberian Insentif Penyediaan Tempat Letak Kenderaan dan Pemindahan Hak Pembangunan Atau Nisbah Plot (*Plot Ratio*) yang dibenarkan di Tapak Warisan Dunia George Town (Pindaan Tahun 2022).

Garis panduan ini yang dibenarkan di Tapak Warisan Dunia George Town (TWDGT), Pulau Pinang telah dikuatkuasakan oleh pihak MBPP pada 27 Februari 2020 di mana TWDGT ditetapkan sebagai kawasan pemindahan hak pembangunan (*transferring site*).

Pindaan terhadap garis panduan ini telah diluluskan oleh pihak MBPP pada 25 Februari 2022 bagi memperluas kawasan yang layak menerima pemindahan hak pembangunan atau nisbah plot (*plot ratio*) yang dibenarkan yang dikenali sebagai kawasan penerima (*receiving site*).

Pengenalan insentif ini bertujuan untuk menggalakkan pembangunan/pemajuan di kawasan TWDGT sekali gus menggalakkan penetapan semula penduduk di kawasan sekitar George Town (*Repopulating George Town*). Pendekatan ini adalah selari dengan usaha murni Kerajaan Negeri melalui MBPP dengan mengambil tanggungjawab sepenuhnya bagi mengekalkan Nilai Keunggulan Sejagat (*Outstanding Universal Value - OUV*) TWDGT, Pulau Pinang. OUV ini akan menjadikan George Town ikon warisan dunia, tetapi juga asas kepada setiap keputusan perancangan, pembangunan dan pemuliharaan di kawasan tersebut.

- (a) Kerajaan Negeri juga tidak menafikan kemungkinan bahawa segelintir pemaju mengambil kesempatan ke atas insentif yang diberikan di bawah garis panduan ini dengan menyalahgunakan bagi tujuan yang tidak sejajar dengan

matlamat asal dasar tersebut. Sehubungan dengan itu, pihak Kerajaan Negeri melalui MBPP sentiasa membuat persediaan yang sewajarnya bagi menghadapi risiko penyalahgunaan insentif yang diberikan dengan bercadang untuk melaksanakan semakan tapak (*site verification*) ke atas projek-projek yang telah menggunakan insentif ini.

Pada masa yang sama, pihak MBPP juga akan menjalankan kajian semula terhadap garis panduan berkenaan bagi memastikan pelaksanaannya dilaksanakan dengan lebih teratur, telus serta berpaksikan objektif asal, iaitu untuk menggalakkan penetapan semula penduduk (*Repopulating George Town*) di TWDGT.

Pihak MBPP turut sentiasa memantau pemindahan nisbah plot bermula dari peringkat permohonan kebenaran merancang, di mana pemaju yang menerima pemindahan nisbah plot perlu menyatakan jumlah nisbah plot yang diterima di atas pelan permohonan kebenaran merancang. Pihak MBPP kemudiannya akan mengenakan syarat melalui Borang C1 Kebenaran Merancang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(III)27**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

27. Nyatakan jumlah pesakit yang dijangkiti penyakit kronik seperti komplikasi jantung, paru-paru, sistem penafasan di Hospital Pulau Pinang, Hospital Seberang Jaya dan Hospital Bukit Mertajam bagi tempoh 2018 hingga September 2025.
- (a) Apakah punca kepada penyakit ini?
- (b) Adakah ia berkaitan dengan suntikan vaksin COVID-19?

**YB GOOI ZI SEN  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. Pesakit-pesakit yang mempunyai komplikasi jantung, paru-paru dan sistem pernafasan akan dirujuk ke tiga (3) buah hospital iaitu Hospital Pulau Pinang, Hospital Bukit Mertajam dan Hospital Seberang Jaya. Pesakit dengan komplikasi jantung akan dirujuk ke Klinik Kardiologi, manakala, pesakit yang mengalami komplikasi paru-paru dan sistem pernafasan, akan dirujuk ke Klinik Respiratori di tiga hospital berkaitan.

Klinik Kardiologi di Hospital Bukit Mertajam telah mula beroperasi mulai tahun 2020. Jumlah pesakit yang hadir dan dirujuk ke Klinik Kardiologi dan Klinik Respiratori di ketiga-tiga hospital tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

- (a) Terdapat pelbagai punca yang membawa kepada penyakit berkaitan jantung dan paru-paru seperti genetik, pemakanan, jangkitan dan lain-lain.

- (b) Secara umumnya, risiko kesan susulan pengambilan vaksin COVID-19 yang digunakan di dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) adalah sangat rendah. Berdasarkan pemantauan yang dijalankan secara berterusan ini, tiada bukti yang dapat mengaitkan pengambilan vaksin COVID-19 dengan penyakit kronik seperti penyakit jantung, paru-paru atau penafasan.

Bukti sedia ada juga menunjukkan bahawa vaksinasi COVID-19 memberi manfaat yang lebih besar berbanding risiko kesan *advers* susulan pengambilan vaksin tersebut. Ini juga selaras dengan pemantauan vaksin COVID-19 di peringkat global.

**LAMPIRAN A**

**DATA MENGENAI JUMLAH PESAKIT YANG HADIR KE KLINIK KARDIOLOGI (JANTUNG) MENGIKUT HOSPITAL DI NEGERI PULAU PINANG**

Hospital	Jumlah Kehadiran Pesakit ke Klinik Kardiologi Mengikut Tahun						
	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024
Hospital Pulau Pinang	2206	2632	3356	4419	3199	3236	3497
Hospital Seberang Jaya	5	4	185	191	275	290	93
Hospital Bukit Mertajam	0	0	309	373	326	368	418

**DATA MENGENAI JUMLAH PESAKIT YANG HADIR KE KLINIK RESPIRATORI (PARU-PARU DAN PERNAFASAN) MENGIKUT HOSPITAL DI NEGERI PULAU PINANG**

Hospital	Jumlah Kehadiran Pesakit ke Klinik Respiratori Mengikut Tahun						
	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024
Hospital Pulau Pinang	23227	28459	23543	19338	23633	25869	28447
Hospital Seberang Jaya	485	917	358	467	630	564	372
Hospital Bukit Mertajam	450	444	532	512	432	498	512

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(III)28**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

28. Bagaimanakah dasar Kerajaan Negeri dapat menyokong agenda pemerkasaan wanita khususnya dalam kalangan wanita B40?
- (a) Nyatakan jumlah wanita yang menerima manfaat daripada program yang telah direncanakan bagi tempoh 2023 hingga September 2025.

**YB LIM SIEW KHIM**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak mempunyai dasar khusus yang tertumpu sepenuhnya kepada pemerkasaan wanita. Namun begitu, beberapa inisiatif telah dilaksanakan bagi memperkukuh pembangunan wanita, antaranya melalui penubuhan **Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK)** di setiap kawasan **Dewan Undangan Negeri (DUN)** sejak tahun 2019.

Melalui JPWK, wanita diberi peluang untuk memegang jawatan kepimpinan serta merancang dan melaksanakan pelbagai program yang berfokuskan kepada pembangunan wanita dan keluarga. Usaha ini bukan sahaja menggalakkan penglibatan aktif wanita dalam kepimpinan di peringkat akar umbi, tetapi juga memperkukuh peranan mereka dalam memperkasakan komuniti setempat secara menyeluruh.

Selain itu, Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) turut melaksanakan pelbagai program dalam membantu wanita khususnya dalam kategori B40 seperti *Penang Women*

*Entrepreneurs Mentoring Programme* atau PenMentor dan Wanita Jana Rezeki. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dalam bidang keusahawanan, membina jaringan sokongan, mengembangkan potensi diri serta menjana pendapatan secara mampan.

**Jadual 1: Program dan penyertaan wanita dalam program pemerkasaan wanita**

Tahun	No	Program	Jumlah Penyertaan Setiap Program	Jumlah Tahunan
2023	1	Eko-Usahawanan: Bengkel Digital Wanita	20	3,380
	2	Seminar Wanita Bangkit	100	
	3	Wanita Jana Rezeki 4.0	20	
	4	<i>Penang Women Entrepreneurs Program 4.0</i>	40	
	5	Program di bawah Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK)	3,200	
2024	1	<i>Penang Women Entrepreneurs Program 5.0</i>	30	3,320
	2	Seminar <i>No Money No Talk</i>	100	
	3	Program di bawah JPWK	3,100	
2025	1	<i>Penang Women Entrepreneurs Program 6.0</i>	60	5,060
	2	Wanita Jana Rezeki 5.0 X JPWK	2,000	
	3	Program di bawah JPWK	3,000	

- (a) Perincian program pemerkasaan wanita yang telah dilaksanakan pada tahun 2023 hingga September 2025 adalah seperti di **JADUAL 1**.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(III)29**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

29. Apakah saluran rasmi Kerajaan Negeri dalam menyampaikan info bencana kepada rakyat Pulau Pinang?
- (a) Apakah pendekatan Kerajaan Negeri dalam memastikan rakyat mendapat info bencana yang sah?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

29. Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyampaikan maklumat dan hebahan berkaitan bencana kepada rakyat melalui beberapa saluran rasmi yang diselaras oleh Unit Pengurusan Bencana (UPB).

Antara saluran utama ialah Sistem Penang Alert, iaitu inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang berperanan sebagai platform maklumat dan hebahan awam berkaitan bencana. Sistem ini memberi amaran awal, maklumat kawasan berisiko serta panduan tindakan semasa kecemasan kepada orang awam. Ia juga berfungsi sebagai platform pengurusan bencana secara berpusat bagi merekod kejadian dan menyelaras bantuan dengan lebih teratur.

Selain itu, inisiatif ini turut merangkumi Sistem Geo Bencana, yang berperanan sebagai pangkalan data dan peta interaktif lokasi hotspot banjir di seluruh negeri Pulau Pinang. Sistem ini turut memaparkan maklumat pegawai penyelaras bencana di peringkat daerah (PDT) serta pegawai dari agensi penyelamat seperti Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Jabatan Bomba

dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bagi memudahkan penyelarasan operasi semasa bencana.

Maklumat dan hebahan awam juga disalurkan melalui platform media sosial rasmi *Facebook* Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan *Facebook* UPB, yang secara aktif mengeluarkan infografik, hebahan amaran dan peringatan awal bencana kepada rakyat.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut menerima dan berkongsi maklumat daripada agensi teknikal serta persekutuan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melalui Sistem Maklumat Bencana (Info Bencana), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bagi memastikan maklumat bencana yang disampaikan adalah sahih, tepat dan terkini.

- (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengamalkan pendekatan bersepadu dalam memastikan rakyat menerima maklumat bencana yang sahih dan tepat. Melalui sistem amaran awal seperti Penang Alert dan Sistem Geo Bencana, maklumat rasmi mengenai risiko dan kejadian bencana disalurkan terus kepada rakyat. Di samping itu, laman media sosial rasmi Unit Pengurusan Bencana (UPB) turut digunakan sebagai penyebaran maklumat dan hebahan awam kepada rakyat.

Selain itu, pendekatan pengesahan maklumat dilaksanakan dengan kerjasama rapat agensi teknikal dan persekutuan seperti NADMA, APM, JPS, METMalaysia, JBPM dan PDRM, bagi memastikan setiap maklumat atau amaran bencana yang dikeluarkan telah disahkan dan disemak ketepatannya sebelum diumumkan kepada orang awam.

Di samping itu, Kerajaan Negeri turut melaksanakan pendekatan pendidikan dan kesedaran awam melalui program *Communication, Education and Public Awareness* (CEPA) bagi mendidik rakyat agar hanya sumber rasmi dirujuk ketika menerima maklumat bencana.

Pendekatan pemantauan dan penafian berita palsu juga turut digerakkan melalui Unit Komunikasi Korporat dan Inovasi (UKKI), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang berperanan menyalurkan penjelasan serta penafian rasmi bagi mengekang penyebaran maklumat tidak sah.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(III)30**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB LEE BOON HENG**

30. Nyatakan produk-produk dan premis yang menyalahguna logo atau sijil halal bagi tempoh 2020 hingga September 2025.
- (a) Berapakah permohonan baru status halal bagi tempoh yang sama dan senaraikan produk atau premis tersebut?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

30. Penyalahgunaan logo atau sijil halal boleh diambil tindakan penguatkuasaan undang-undang di bawah Akta Perihal Dagangan (APD) 2011. Setakat hari ini, penguatkuasaan undang-undang di bawah APD 2011 di Negeri Pulau Pinang dijalankan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang. Penyalahgunaan logo atau sijil halal ini melibatkan produk makanan/ minuman, premis makanan, kosmetik dan dandanannya, farmaseutikal dan rumah sembelihan. Statistik operasi penguatkuasaan di Negeri Pulau Pinang bagi tempoh 2020 hingga September 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Permohonan sijil halal Malaysia terdiri daripada tiga (3) kategori iaitu Permohonan Baharu, Permohonan Pembaharuan dan Permohonan Penambahan Menu. Berikut adalah statistik permohonan baharu sahaja yang diproses oleh Negeri Pulau Pinang bagi tempoh 2020 sehingga September 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

Permohonan sijil halal ini melibatkan sembilan (9) Skim Pensijilan iaitu Skim Produk Makanan/ Minuman, Skim Premis Makanan, Skim Barang Gunaan, Skim Kosmetik dan Dandanan Diri, Skim Farmaseutikal, Skim Logistik, Skim Rumah Sembelihan, Skim Peranti Perubatan dan Skim Kontrak Pengeluaran (OEM). Senarai terperinci syarikat yang telah dipersijilkan halal dan maklumat produk halal di Negeri Pulau Pinang boleh dirujuk melalui Portal Halal Malaysia: [myehalal.halal.gov.my/portal-halal](http://myehalal.halal.gov.my/portal-halal).

**STATISTIK OPERASI PENGUATKUASAAN DI NEGERI  
PULAU PINANG BAGI TEMPOH 2020 HINGGA SEPTEMBER 2025**

BIL.	TAHUN	SKIM									
		PR	PM	BG	FM	KO	MD	(OEM)	LG	RS	JUMLAH
1.	2020	19	8	0	0	0	0	0	0	0	27
2.	2021	18	7	0	0	1	0	0	0	0	26
3.	2022	13	17	0	0	0	0	0	0	2	32
4.	2023	7	10	0	0	0	0	0	0	0	17
5.	2024	9	20	0	0	0	0	0	0	0	29
6.	2025 (September)	8	11	0	1	0	0	0	0	1	21
Jumlah		74	73	0	1	1	0	0	0	3	152

Ringkasan Skim:

PR - Produk Makanan

PM - Premis Makanan

BG - Barang Gunaan

FM- Farmaseutikal

KO - Kosmetik dan Dandanan Diri

MD - Peranti Perubatan

OEM - Skim Pengilangan Kontrak

LG - Logistik

RS - Rumah Sembelihan

**STATISTIK PERMOHONAN BAHARU SAHAJA YANG DIPROSES  
OLEH NEGERI PULAU PINANG BAGI TEMPOH TAHUN 2020  
SEHINGGA SEPTEMBER 2025**

BIL.	TAHUN	SKIM									
		PR	PM	BG	FM	KO	MD	(OEM)	LG	RS	JUMLAH
1.	2020	259	73	10	6	57	0	23	2	0	430
2.	2021	375	47	30	7	57	0	26	0	1	543
3.	2022	404	105	14	10	44	0	27	5	1	610
4.	2023	577	94	15	9	53	0	35	2	2	787
5.	2024	571	112	17	14	34	5	56	3	2	814
6.	2025 (September)	383	73	22	12	52	0	42	8	1	593
Jumlah		2569	504	108	58	297	5	209	20	7	3777

Ringkasan Skim:

PR- Produk Makanan

PM - Premis Makanan

BG - Barang Gunaan

FM- Farmaseutikal

KO - Kosmetik dan Dandanan Diri

MD - Peranti Perubatan

OEM - Skim Pengilangan Kontrak

LG - Logistik

RS - Rumah Sembelihan